

# UPM menang lima anugerah di London

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta sejarah apabila berjaya memenangi lima pingat termasuk dua anugerah khas sekali gus mengharumkan nama Malaysia pada pameran British Invention Show (BIS) di London, Britain, baru-baru ini.

Anugerah itu diberikan apabila tiga penyelidik Fakulti Kejuruteraan UPM berjaya membuktikan kepakaran dengan mengalahkan lebih 131 projek penyelidikan yang dipertandingkan dari seluruh dunia termasuk 38 daripadanya disertai ins-

titusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia.

Tiga penyelidik terbabit iaitu Prof Madya Dr Abdul Rashid Mohamed Shariff mengenangkan projek GIS-Based System For Paddy Precision Farming; Dr Norhafizah Abdullah (Projek Supercritical Antosolvent for Nanoparticles Encapsulation) dan Prof Madya Dr Sabira Khatun, bagi projek Intelligence Traffic Management System (IT-MS) with Smart Auto Driven Vehicle.

Ketua Unit Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM,

Khairul Anuar Muhamad Noh, berkata ketiga-tiga penyelidik memenangi pingat emas, manakala dua anugerah khas iaitu Double Gold Award di menangi Dr Norhafizah bagi kategori industri, dan Diamond Award di rangkul Prof Madya Dr Abdul Rashid bagi kategori Natural Earth.

Katanya, ini membuktikan hasil penyelidikan anak tempatan mampu bersaing di peringkat dunia sekali gus mengiktiraf kebolehan mereka.

"Kejayaan ini membuktikan kebolehan rakyat Malaysia bersaing hingga

peringkat dunia sekali gus membuktikan rakyat negara mampu berjaya.

"Ini sememangnya satu kejayaan buat Malaysia amnya dan UPM sendiri khususnya," katanya.

Menurutnya, GIS-Based System For Paddy Precision Farming produk berkaitan penggunaan teknologi pertanian untuk tanaman mengoptimalkan penggunaan bahan dan racun tetapi memaksimumkan pengeluaran hasil, manakala Supercritical AntoSolvant for Nanoparticles Encapsulation cara membungkus ubat dalam kapsul.